

DATE: 6 / 10 / 2007

Umat Islam perlu jadi aset penting masyarakat

PM mahu ummah bertindak positif tangani tanggapan negatif

Oleh Wan Hazmir Bakar

PUTRAJAYA: Umat Islam perlu membuktikan bahawa mereka adalah aset kepada masyarakat bagi mengikis tanggapan negatif terhadap mereka dan Islam akibat perbuatan segelintir kumpulan pelampau yang tidak disenangi masyarakat dunia, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, tindak balas secara positif itu adalah cara terbaik bagi memaparkan imej sebenar Islam sebagai agama yang cintakan kedamaian dan kemajuan, bukannya ajaran yang membawa pelbagai masalah kepada dunia.

"Justeru, apa saja yang kita lakukan dalam kehidupan seharian mestilah sesuatu yang boleh memaparkan imej sebenar Islam," katanya berucap pada Majlis Berbuka Puasa Bersama Perdana Menteri anjuran Wisma Putra di sini, semalam.

Hadir sama, isterinya, Datin Seri Jeanne Abdullah; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan isteri, Datin Seri Sharifah Aziah Syed Zainal Abidin, serta perwakilan dan diplomat negara anggota Pertubuhan Perisidangan Islam (OIC), di negara ini.

Abdullah dan hadirin kemudian bersama-sama menunaikan solat Maghrib, Isyak dan tarawih.

Merujuk keadaan negara Islam pada masa ini yang menjadi kancah kemelut politik dunia, Abdullah yang juga Pengerusi OIC menggesa negara Islam membuktikan kepada dunia bahawa mereka adalah umat yang bersatu dan bersaudara seperti yang dituntut Allah.

Pada masa sama, kata Perdana Menteri, negara Islam perlu memba-



RAIKAN RAMADAN: Abdullah, Jeanne diiringi Syed Hamid ketika tiba pada Majlis Berbuka Puasa Bersama Perdana Menteri anjuran Wisma Putra, di Putrajaya, semalam.

ngunkan ekonomi masing-masing bagi mengurangkan kadar kemiskinan dan buta huruf rakyat supaya tidak mudah diperkotak katik pihak lain.

"Apa yang kita perlu buat ialah membuktikan persaudaraan kita. Kedua, kita mesti menghasilkan kejayaan ekonomi, itu yang saya sering tekankan dalam OIC," katanya.

Sehubungan itu, Abdullah berkata, umat Islam perlu kembali menguasai segala ilmu seperti yang dilakukan generasi terdahulu ketika zaman ke-

gemilangan Islam.

Katanya, pada masa itu umat Islam adalah guru kepada masyarakat Eropah yang berada dalam kegelapan, tetapi kini Barat sudah jauh meninggalkan dunia Islam dalam penguasaan ilmu.

"Masa dulu orang Islam mendahului dalam hampir semua aspek teknologi dan orang Islam juga bertanggungjawab menggali khazanah ilmu tamadun terdahulu.

"Orang Islam dulu bersedia untuk

menguasai ilmu dan mereka lakukan dengan niat kerana Allah. Mereka cemerlang kerana mereka tahu itu tuntutan agama dan mereka berjaya mengatasi tamadun pada masa itu," katanya sambil menambah itulah pembangunan modal insan yang sering ditekankan.

Mengenai soal Palestin, Abdullah berkata, beliau sudah meminta pemimpin terbabit bersatu bagi membentuk negara dan masa depan rakyat Palestin.